

e-BULETIN INTEGRITI, TADBIR URUS & ANTIRASUAH

**EDISI KETIGA
2024**



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

PERUTUSAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga PUSAKA yang terus komited dalam mengamal nilai-nilai integriti dan tatakelola terbaik sebagai asas kepada kecemerlangan perkhidmatan.

Saya juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti kerana berjaya menerbitkan e-Buletin Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah Edisi Ketiga.

e-Buletin ini memaparkan pelbagai program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 dalam usaha memantapkan integriti dan memperkukuhkan tatakelola bagi menutup ruang dan peluang berlakunya gejala rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kesalahan tatatertib dengan harapan untuk membina PUSAKA sebagai organisasi yang berdaya saing serta mampan.

Pemupukan nilai integriti dalam tugas harian merupakan satu elemen terpenting bagi pembentukan sahsiah dan karekter seseorang individu. Integriti bermula dari dalam diri, kemudian integriti dicontohi dan diteladani oleh mereka yang terdekat, keluarga serta masyarakat.

Setiap perkara yang diulang dan terus diulang akan menjadi suatu kebiasaan, sama ada kebaikan mahupun perkara yang membawa kepada keburukan. Oleh itu, kita semua perlu sentiasa berusaha, mengamalkan, saling nasihat-menasihati dan menggalakkan semua dalam kalangan kita untuk melakukan kebaikan. “Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.” (Surah Al-‘Asr)

Pada hari ini, tatakelola yang baik menjadi paksi dan tiang seri utama setiap organisasi baik sektor swasta mahupun awam demi memenuhi tanggungjawab kepada pemegang taruh, pelanggan serta rakyat berpaksikan matlamat dan objektif organisasi masing-masing.

Amalan tatakelola yang baik akan membolehkan setiap organisasi dan kepimpinannya meraih sokongan yang tidak berbelah bagi dari kalangan warga organisasi dan para pemegang taruh. Ianya sekali gus membolehkan kita mengharungi semua cabaran semasa, di samping mendepani perubahan yang berlaku pada masa hadapan. Usaha ini disokong dengan persediaan ke arah pensijilan MS ISO37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS), khususnya bagi memantapkan polisi, peraturan, prosedur dan kawalan dalaman untuk mencegah, mengawal, mengesan dan bertindak balas ke atas sebarang amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

e-Buletin Integriti Edisi Ketiga kali ini menjadi saksi kepada kesungguhan dan komitmen PUSAKA dalam memartabatkan agenda tatakelola terbaik dalam setiap aspek, berasaskan Enam Nilai Bersama PUSAKA.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam penyediaan e-Buletin Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah Edisi Ketiga. Sesungguhnya dengan usaha penerbitan e-Buletin ini diharapkan dapat memberi manfaat dan sebagai rujukan ilmiah kepada semua warga PUSAKA.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperkukuhkan integriti dan melaksanakan tatakelola terbaik kerana hanya dengan usaha bersama kita dapat membina sebuah organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih.




HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ABDULLAH
PENGURUS BESAR

ISI KANDUNGAN

PROGRAM DAN AKTIVITI

01

PUSAKA Ke Arah Pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS)

Pelaksanaan Bengkel *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS)

02

Taklimat Pembukaan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems - Gap Analysis*

03

Modul I - *Gap Analysis*

Modul III - *Risk Assessment and CRA Analysis*

04

Modul IV - *Development of ABMS Documentation*

05

Modul VI - *Internal Audit Training & On-Site Auditing*

Modul VII - *Management Review*

06

Audit Dalaman MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery-Management Systems*

07

Audit Pensijilan Tahap 1 MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems*

10

Kursus Modul Integriti Penguatkuasa Sarawak (MIPS) 2024

11

Seminar Mukmin Professional : Integriti dan Kompetensi Dalam Profesion

13

Kursus Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus

14

Kursus Pemantapan Pelaksanaan Fungsi Teras Unit Integriti (Pengurusan Aduan serta Pengesanan dan Pengesahan)

16

Pelancaran Perkhidmatan Aduan Etika

17

Program Jerayawara Polisi Antirasuah dan Korupsi PUSAKA

18

Seminar *Navigating The Companies Act 2016 and Assessing The Duties, Responsibilities, Rights and Powers of Company Directors*

19

Lawatan Sambil Belajar ke Jabatan Hutan Sarawak

20

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) PUSAKA

21

Deklarasi Polisi Antirasuah dan Korupsi PUSAKA

22

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Kumpulan (JIK)

23

Tadbir Urus dan Pematuhan

24

Poster Kesedaran Integriti

ISI KANDUNGAN

RENCANA/ ARTIKEL

30

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)
Konsultansi dan Khidmat Nasihat
Corruption Risk Assessment (CRA)

33

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)
PUSAKA

34

Perkhidmatan Aduan Etika
Ikrar Integriti

35

Polisi Antirasuah dan Korupsi
PUSAKA

36

Polisi Antirasuah PUSAKA

37

Tahap Kepuasan Pelanggan
Bahagian Pengurusan Risiko dan
Integriti

PUSAKA KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS*(ABMS)


PUSAKA beriltizam untuk melaksanakan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) selaras dengan ketetapan Pekeliling Integriti Bilangan 3 Tahun 2019 Garis Panduan Pelaksanaan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bertarikh 16 Mei 2019.

Anti-Bribery Management Systems (ABMS) ialah rangka kerja berstruktur yang dilaksanakan oleh organisasi untuk mencegah, mengawal, mengesan dan bertindak balas terhadap amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel, dinamik, berteraskan prinsip tatakelola terbaik serta mengambil kira Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PUSAKA.

Disamping itu, pengiktirafan ini diharapkan bakal memberi keyakinan kepada pemegang taruh dan orang awam bahawa PUSAKA adalah sebuah agensi yang komited terhadap nilai integriti dan tatakelola terbaik di dalam amalan kerja seharian. Pematuhan kepada MS ISO 37001:2016 ini bakal menjadi tanda aras kepada PUSAKA di dalam melaksanakan sistem pencegahan rasuah yang efektif dan efisien.

PELAKSANAAN BENGKEL *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS* (ABMS)

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah melaksanakan tujuh (7) modul bengkel *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) seperti jadual di bawah berikut:



Dengan izin Allah s.w.t, kesemua modul ini telah berlangsung dengan jayanya pada masa yang telah ditetapkan, natijah daripada komitmen dan sokongan padu semua anggota PUSAKA.

TAKLIMAT PEMBUKAAN MS ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS - GAP ANALYSIS

24 JANUARI 2025

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti PUSAKA telah menganjurkan satu taklimat bagi Modul Pertama - Analisis Jurang, bertempat di Dewan Seminar, PUSAKA sebagai langkah permulaan ke arah pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS).

Taklimat ini diikuti dengan sesi perbincangan bersama setiap Ketua Bahagian dan Seksyen oleh konsultan yang dilantik PUSAKA iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM).

Taklimat ini telah dihadiri seramai 74 orang pegawai dan anggota PUSAKA.

ABMS merupakan inisiatif yang memainkan peranan penting dalam memupuk amalan perniagaan yang beretika dan mengekalkan integriti organisasi.

Komponen utama ABMS ialah Pembangunan Dasar, Penilaian Risiko, Latihan dan Komunikasi, Usaha Wajar, Pemantauan dan Pelaporan.

MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) adalah penting bagi menzahirkan komitmen organisasi terhadap amalan beretika, tatakelola yang mampan dan usaha antirasuah yang bersistematik.

Ini adalah bagi memelihara reputasi, mengurangkan risiko rasuah, integriti dan tadbir urus serta menyumbang kepada persekitaran yang dibina atas Enam Nilai Bersama PUSAKA.

Analisis Jurang (*Gap Analysis*) melibatkan penilaian prosedur dan proses kerja semasa bagi kawalan antirasuah organisasi terhadap piawaian yang ditetapkan iaitu MS ISO 37001:2016.

Tujuan analisis ini adalah bagi mengenal pasti sebarang jurang atau kekurangan di dalam amalan, dasar dan prosedur organisasi yang berkaitan dengan antirasuah serta membangunkan rancangan untuk menangani dan menutup jurang ini.



MODUL I - *GAP ANALYSIS*

24 - 25 JANUARI 2025



MODUL III - *RISK ASSESSMENT AND CRA ANALYSIS*

4 - 6 MAC 2025



MODUL IV - *DEVELOPMENT OF ABMS DOCUMENTATION***22 - 24 APRIL 2025**

MODUL VI - *INTERNAL AUDIT TRAINING & ON-SITE AUDITING*

27 - 28 MEI 2024



MODUL VII - *MANAGEMENT REVIEW*

19 - 20 JUN 2024



AUDIT DALAMAN MS ISO 37001:2016 *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS*

22 - 25 OKTOBER 2024

Sebagai memenuhi keperluan pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS), PUSAKA menubuhkan Pasukan Audit Dalaman PUSAKA yang terdiri daripada seramai empat belas (14) anggota PUSAKA daripada pelbagai seksyen di Ibu Pejabat PUSAKA mahupun Pejabat-pejabat Bahagian PUSAKA.

Audit Dalaman MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) telah dilaksanakan pada 22 sehingga 25 Oktober 2024 di Ibu Pejabat, PUSAKA.

Mesyuarat pembukaan dan penutupan bagi audit MS ISO 37001:2016 telah diadakan pada 22 Oktober 2025 dan 25 Oktober 2025 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 20. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengurus Besar PUSAKA, Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Abdullah.

Semua Ketua Bahagian dan Ketua Seksyen, Pasukan Audit Dalaman ABMS PUSAKA serta semua anggota seksyen yang berkaitan telah turut sama menghadiri mesyuarat tersebut.



AUDIT PENSIJILAN TAHAP 1 MS ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS

11 - 13 NOVEMBER 2024



Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) telah melalui Sesi Audit Pensijilan Tahap 1 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) pada 11 hingga 13 November 2024 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selaku Badan Pensijilan.

Mesyuarat Pembukaan telah dipengerusikan Timbalan Pengurus Besar PUSAKA, Cik Hajah Haluyah pada 11 November 2024, manakala Mesyuarat Penutupan Audit pada 13 November 2024.

Taklimat audit telah disampaikan oleh Puan Nor Halida Binti Ibrahim, Ketua Juruaudit, berfokuskan kepada pencapaian objektif ABMS termasuk:

1. Memastikan 100% aduan berhubung salah laku integriti, rasuah dan jenayah yang diterima diuruskan dengan teratur;
2. Memastikan Daftar Risiko Rasuah dikemaskini sekali setahun;
3. Melaksanakan program kesedaran berkaitan integriti, tadbir urus dan anti rasuah sekurang-kurangnya sekali setahun; dan
4. Melaksanakan semakan semula, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pelaksanaan Pengurusan AntiRasuah setiap tahun.

MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT

11 NOVEMBER 2024

TINGKAT 20, BILIK MESYUARAT LEMBAGA



MESYUARAT PENUTUPAN AUDIT

13 NOVEMBER 2024

TINGKAT 20, BILIK MESYUARAT LEMBAGA



AKTIVITI AUDIT TAHAP 1 MS ISO 37001:2016 ABMS OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD

11 - 13 NOVEMBER 2024

BILIK MESYUARAT PENGURUSAN



KURSUS MODUL INTEGRITI PENGUATKUASA SARAWAK (MIPS) 2024

29 FEBRUARI 2024

PUSAKA dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan Kursus Integriti Penguatkuasa Sarawak (MIPS) bertempat di Dewan Serbaguna, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.

Kursus tersebut telah disertai oleh anggota Bahagian Inspektorat & Penguatkuasaan PUSAKA dan anak-anak syarikat PUSAKA.

Tujuan utama kursus tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan pegawai penguatkuasa mengenai integriti dan etika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Kejayaan program ini dilaksanakan membuktikan komitmen dan kesungguhan PUSAKA dalam penerapan amalan budaya berintegriti dalam diri setiap Pegawai Penguatkuasa serta setiap anggota PUSAKA.



SEMINAR MUKMIN PROFESSIONAL : INTEGRITI DAN KOMPETENSI DALAM PROFESION

7 MAC 2024

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti dengan kerjasama Surau PUSAKA telah menganjurkan Seminar Mukmin Profesional dengan tajuk Integriti dan Kompetensi Dalam Profesion pada 7 Mac 2024 (Khamis) bertempat di Dewan Seminar, PUSAKA.

Seminar ini disampaikan oleh tenaga pengajar daripada Fitrah Perkasa Sdn Bhd. Seminar ini dihadiri oleh anggota PUSAKA dari ibu pejabat dan pejabat bahagian serta anak-anak syarikat PUSAKA.

Objektif seminar ini diadakan adalah:

Di peringkat individu :

- Mencetus kesedaran untuk membina kualiti jiwa dan kuantiti harta secara bersepadu. Mengetahui dan memahami kepentingan memiliki visi dan misi hidup yang tepat dan jelas sebagai perisai kepada cabaran hal-hal negatif dalam diri, keluarga, masyarakat dan organisasi
- Mengetahui dan menghayati konsep kerja sebagai ibadah beserta syarat-syaratnya
- Mengetahui kepentingan pengamalan nilai-nilai organisasi dalam profesion
- Memantapkan keyakinan diri dalam diri dan profesion

Di peringkat organisasi :

- Menselaraskan misi organisasi dan misi peribadi
- Mendorong pelaksanaan tugas dengan lebih integriti, tulus, telus dan optimum
- Mengurangkan amalan-amalan negatif menerusi pencegahan secara inside-out yang bersifat pro-aktif
- Memudahkan terbentuknya regu kerja (teamwork) yang baik
- Membentuk suasana kerja yang kondusif dan harmoni
- Meningkatkan rasa sayang, hormat dan setia kepada organisasi.



Turut hadir pada program tersebut ialah Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti, Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Putit, Penolong Pengurus Besar Pengurusan Kecemerlangan Korporat, Puan Dayang Masmolydiza Binti Abg Haji Dawi dan Pengurus Seksyen Inspektorat & Penguatkuasaan PUSAKA merangkap Pengerusi Jawatankuasa Surau PUSAKA, Encik Senu Bin Mas.



KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

25 - 26 JUN 2024



PUSAKA dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menganjurkan kursus Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus pada 25 – 26 Jun 2024 bertempat di Dewan Seminar, PUSAKA.

Kursus tersebut telah disertai oleh 26 orang pegawai dari PUSAKA dan anak syarikat PUSAKA.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk:

- i) Memberi pendedahan dan pemahaman tentang penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU);
- ii) Memberi pemahaman tentang fungsi teras Unit Integriti (IGU);
- iii) Melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan aplikasi pelaksanaan fungsi teras Unit Integriti dan Governans (IGU); dan
- iv) Memberikan pengenalan dan pendedahan kepada Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)



Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tuan Mohamad Husni (Pegawai Siasatan/ Penguasa Kanan Gred P44) daripada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Tuan Mohamad Azhar (Pegawai Siasatan/ Penguasa Kanan Gred P44) daripada SPRM Negeri Sarawak.



KURSUS PEMANTAPAN PELAKSANAAN FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI (PENGURUSAN ADUAN SERTA PENGESANAN DAN PENGESAHAN)

17 - 18 JULAI 2024



PUSAKA melalui Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti dengan kerjasama Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Teras Unit Integriti: Pengurusan Aduan Serta Pengesanan dan Pengesahan bertempat di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching.

Seramai 58 peserta dari peringkat pengurusan, anggota Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti dan pegawai seranta integriti dari Anak-Anak Syarikat PUSAKA telah menyertai kursus ini.

Kursus ini bertujuan untuk memantapkan persediaan PUSAKA ke arah pelaksanaan perkhidmatan Aduan Etika dan sebagai pendedahan awal kepada semua pegawai gred 41 ke atas dan anggota Seksyen Integriti yang akan terlibat di dalam pengurusan aduan serta pengesanan dan pengesahan.

Seramai tiga (3) orang penceramah yang telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing yang terdiri daripada Penolong Pesuruhjaya Mohamad Nizam bin Kalam (P48), Penguasa Kanan Siti Zaharah binti Haji Alias (P44) dan Ketua Penolong Kanan Penguasa Mohamad Safari bin Abdullah (P38). Kursus merangkumi tajuk-tajuk berkaitan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Tatacara Pelaksanaan Fungsi Pengurusan Aduan Etika serta Tatacara Pelaksanaan Fungsi Pengesanan dan Pengesahan dan disusuli dengan perbincangan kumpulan dan latih amal.

Majlis penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Zainal Abidin Bin Haji Abdullah, Pengurus Besar PUSAKA. Turut hadir bersama adalah Cik Hajah Haluyah Binti Awi, Timbalan Pengurus Besar, PUSAKA.





PELANCARAN PERKHIDMATAN ADUAN ETIKA

29 JULAI 2024

Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), Cik Hajah Haluyah Awi mewakili Pengurus Besar PUSAKA, Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Abdullah, telah melancarkan Perkhidmatan Aduan Etika pada 29 Julai 2024, bertempat di Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.

Perkhidmatan Aduan Etika ini bertujuan untuk menerima aduan mengenai kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan jenayah dalam kalangan anggota agensi.



Pengurusan Aduan adalah salah satu fungsi teras Seksyen Integriti PUSAKA, yang bertanggungjawab untuk mengendalikan aduan etika selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil. 2 Tahun 2019, yang bertarikh 15 Mei 2019. Pekeliling ini menggariskan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam Negeri Sarawak yang perlu dipatuhi oleh semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri.



Selain itu, Perkhidmatan Aduan Etika juga merupakan langkah kawalan dalaman yang penting dalam usaha memerangi rasuah, sebagaimana yang dinyatakan dalam MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems (ABMS)*, berpaksikan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat dan Polisi Aduan Etika PUSAKA.

Dengan adanya Perkhidmatan Aduan Etika ini, yang didokong oleh proses pengesanan dan pengesanan yang telus, sistematik, cekap, dan adil, PUSAKA menzahirkan prinsip tiada kompromi terhadap sebarang kesalahan tatatertib dan jenayah, khususnya berkaitan rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.

Orang ramai dan semua anggota PUSAKA boleh membuat aduan melalui laman sesawang PUSAKA di www.sarawaktimber.gov.my.

PROGRAM JERAYAWARA POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI PUSAKA

2 - 6 SEPTEMBER 2024



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah mengadakan Program Jerayawara Polisi Antirasuah dan Korupsi bermula 2 September 2024 sehingga 6 September 2024 di semua Pejabat Bahagian PUSAKA termasuk Ibu Pejabat, PUSAKA.

Objektif penganjuran tersebut bagi memberi pendedahan kepada kandungan Polisi Antirasuah dan Korupsi PUSAKA yang telah diluluskan Pengerusi Lembaga Pengurusan PUSAKA pada 21 Jun 2024 yang lalu, di samping sebagai usaha berterusan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti PUSAKA di dalam pengukuhan integriti di PUSAKA.



Turut diadakan ialah pertandingan Kuiz Integriti kepada semua anggota yang menghadiri program tersebut.

Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti, Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Datu Haji Putit.



SEMINAR NAVIGATING THE COMPANIES ACT 2016 AND ASSESSING THE DUTIES, RESPONSIBILITIES, RIGHTS AND POWERS OF COMPANY DIRECTORS

10 OKTOBER 2024

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Khidmat Sekretarial telah mengadakan Seminar *Navigating The Companies Act 2016 and Assessing The Duties, Responsibilities, Rights and Powers of Company Director* pada 10 Oktober 2024 bertempat di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching. Seminar ini melibatkan semua pengarah daripada anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu di bawah STIDC bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab tadbir urus selaku Pengarah syarikat.

Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh, mewakili Timbalan Premier Sarawak yang juga Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan.

Dalam ucaptamanya, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan telah menekankan kepentingan seminar itu dalam memupuk amalan tadbir urus yang baik di seluruh Kumpulan PUSAKA.

Entiti-entiti ini, katanya memainkan peranan penting dalam menyokong transformasi ekonomi Sarawak melalui sektor-sektor seperti perkayuan, minyak dan gas, pertanian, dan tenaga boleh diperbaharui.

Seminar ini menandakan satu lagi kejayaan dalam perjalanan Sarawak ke arah membina industri yang kukuh dan memupuk kepimpinan yang berfikiran ke hadapan untuk memacu kejayaan ekonomi negeri pada tahun-tahun akan datang berteraskan prinsip tatakelola terbaik.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE JABATAN HUTAN

16 OKTOBER 2024

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah menjalankan lawatan sambil belajar ke Jabatan Hutan Sarawak dalam usaha persediaan ke arah pensijilan MS ISO37001: 2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS).

Lawatan sambil belajar ini dijalankan bagi menggali ilmu dan pengalaman daripada pihak Jabatan Hutan Sarawak dari aspek langkah strategik, amalan terbaik, dokumentasi dan pembudayaan yang penting bagi mencapai hasrat pensijilan.

Turut hadir bersama ialah Encik Abdul Wahab bin Ahmad, Ketua Unit Integriti dan Audit Dalaman dari Jabatan Hutan Sarawak dan Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Putit, Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti dari PUSAKA.



MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PUSAKA

Selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2024 bertarikh 26 Mac 2024, Jawatankuasa Tatakelola (JTK) telah ditubuhkan untuk menggantikan Jawatankuasa AntiRasuah (JAR) di peringkat jabatan.

Jawatankuasa Tatakelola (JTK) PUSAKA memfokuskan perbincangan serta melaporkan isu pencegahan dan pembanterasan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berdasarkan empat (4) Terma Rujukan yang merangkumi:

1. Reformasi Intistusi, Dasar dan Undang-undang
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Pemantauan dan Penilaian
4. Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik



Sepanjang tahun 2024, sebanyak tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) telah diadakan seperti di **Jadual 1**.

Bil.	Mesyuarat JAR/ JTK	Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Masa
1.	Penggal 1/2024	22.03.2024	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	09.00 pagi
2.	Bilangan 1/2024	06.08.2024	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	09.00 pagi
3.	Bilangan 2/2024	18.12.2024	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	2.30 petang

Jadual 1 - Takwim Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah/ Tatakelola Tahun 2024

DEKLARASI POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI PUSAKA

6 OGOS 2024

Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) telah membangunkan Polisi AntiRasuah dan Korupsi yang telah diluluskan oleh Pengerusi PUSAKA pada 21 Jun 2024. Sehubungan dengan itu, PUSAKA telah mengadakan sesi menandatangani deklarasi Polisi AntiRasuah dan Korupsi pada 6 Ogos 2024, bertempat di Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching. Sesi ini melibatkan Pengurus Besar PUSAKA, Tuan Haji Zainal Abidin Bin Haji Abdullah, bersama barisan pengurusan PUSAKA.

Sesi ini membuktikan komitmen PUSAKA dalam memastikan standard integriti, ketelusan, akauntabiliti, dan profesionalisme tertinggi dalam menjalankan tanggungjawabnya. Ini selaras dengan enam Nilai Bersama PUSAKA iaitu: Profesionalisme, Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya, Baik Hati dan Prihatin, Semangat Berpasukan, Integriti, dan Berorientasikan Hasil. PUSAKA bertekad untuk menjadi agensi kerajaan Sarawak yang beretika dan berintegriti. Ini bermakna PUSAKA tegas dalam mengelakkan segala bentuk amalan rasuah dan korupsi dalam pentadbiran dan operasi hariannya. PUSAKA mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap segala jenis rasuah dan korupsi serta akan mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan tersebut.

Polisi ini diwujudkan sebagai sumber rujukan berkenaan perlakuan rasuah dan korupsi, mekanisme pelaporan, serta langkah-langkah pencegahan. Ia juga berfungsi sebagai asas bagaimana PUSAKA menangani isu rasuah dan korupsi, sejajar dengan komitmen PUSAKA untuk mendokong prinsip integriti, ketelusan, akauntabiliti, dan profesionalisme pada setiap masa. Polisi ini menjunjung tinggi gagasan membudayakan integriti dalam kalangan semua anggota PUSAKA sebagai landasan kukuh untuk mencapai kecemerlangan, dengan hala tuju dan panduan yang jelas, serta memastikan segala ruang dan peluang untuk aktiviti rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa ditangani secara berkesan.



MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI KUMPULAN (JIK)

Penubuhan Jawatankuasa Integriti Kumpulan (JIK) adalah berdasarkan cadangan pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM dan merupakan platform yang mendukung Program Klon Integriti yang telah diasaskan pada tahun 2022.

Mesyuarat JIK PUSAKA telah diadakan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2024 seperti **Jadual 2**.

Bil.	Mesyuarat JIK	Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Masa
1.	Penggal 1/2024	15.03.2024	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	09.00 pagi
2.	Penggal 1/2024	24.09.2024	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	09.00 pagi

Jadual 2 - Takwim Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Kumpulan Tahun 2024

Peranan dan tanggungjawab JIK PUSAKA termasuklah :

1. Menyelaras tadbir urus Unit Integriti PUSAKA dan Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat;
2. Memantau pelaksanaan Fungsi Teras Unit Integriti PUSAKA dan Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat;
3. Merancang dan memantau pelan tindakan kerjasama PUSAKA dan Anak-anak Syarikat;
4. Menyelaras polisi dan garis panduan yang berkaitan; dan
5. Menyelaras program pembangunan kompetensi anggota Unit Integriti PUSAKA dan Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat.



TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah membuat semakan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan peraturan dan tadbir urus ke atas penemuan audit sebagai usaha untuk memastikan penemuan tidak berulang. Kerjasama ini telah dijalankan bersama dengan Bahagian Audit Dalaman dan Pematuhan dan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) sebanyak tiga (3) kali setahun.

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti juga berterusan mengenalpasti kemungkinan wujudnya ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan dan mencadangkan kawalan pencegahan, pengesanan atau pembetulan yang bersesuaian.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 2 daripada 2 (100%) laporan audit telah dikaji dan diberikan maklum balas dengan mengambil kira isu integriti, pengurusan risiko rasuah dan amalan terbaik tadbir urus seperti di **Jadual 3**.

Bil.	Organisasi	Tarikh Laporan
1.	Green Pellet (Sarawak) Sdn Bhd	26.07.2024
2.	Hillog Sdn Bhd	21.08.2024

Jadual 3 - Semakan Pelaporan Audit Bagi Organisasi


Selain itu, Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti juga telah memberi khidmat nasihat dan konsultansi didalam menyediakan beberapa prosedur seperti di **Jadual 4**.

Bil.	Prosedur	Bahagian/ Seksyen
1.	Garis Panduan Pemberian Sumbangan, Tajaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (GP-PUSAKA-KEW-01)	Seksyen Kewangan
2.	Manual Prosedur Kerja Pelantikan Kontraktor Lesen Hutan PUSAKA (MPK-PUSAKA-SSH-05)	Seksyen Sumber Hutan dan Kayu Getah

Jadual 4 - Khidmat Nasihat Ke Atas Prosedur

POSTER KESEDARAN INTEGRITI




IRSYAD PUSAKA



Poster kesedaran integriti adalah salah satu inisiatif Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti dalam menyampaikan mesej yang berkaitan Enam Nilai Bersama PUSAKA.

Tujuan menyediakan poster kesedaran integriti adalah untuk meningkatkan kesedaran, menggalakkan sikap amanah, menghindari amalan yang tidak beretika seperti rasuah dan penyelewengan, mewujudkan budaya integriti dan menjadi peringatan serta memberi motivasi berterusan supaya setiap individu sentiasa berpegang kepada nilai integriti dalam setiap keputusan dan tindakan mereka.

Dengan poster yang berkesan, mesej integriti dapat disampaikan dengan jelas dan menarik perhatian warga PUSAKA.



IRSYAD PUSAKA

Tajuk 5 : Integriti

Daripada Ibnu Mas'ud r.a. dari Nabi s.a.w. sabdanya:

"Sesungguhnya kebenaran (baik yang berupa ucapan atau perbuatan) itu menunjukkan kepada kebaikan dan sesungguhnya kebaikan itu menunjukkan ke syurga dan sesungguhnya seseorang itu niscaya melakukan kebenaran sehingga dicatatlah di sisi Allah sebagai seorang yang ahli melakukan kebenaran. Dan sesungguhnya berdusta itu menunjukkan kepada kecurangan dan sesungguhnya kecurangan itu menunjukkan kepada neraka dan sesungguhnya seseorang itu niscaya berdusta sehingga dicatatlah di sisi Allah sebagai seorang yang ahli berdusta." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 6 : Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abu Hurairah r.a., katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Seorang Muslim adalah saudaranya orang Muslim yang lain. Janganlah ia berkhianat kepada saudaranya itu dan jangan pula mendustainya, juga jangan menghinakannya - juga enggan memberikan pertolongan padanya bila diperlukan. Setiap Muslim terhadap Muslim lainnya itu adalah haram kehormatannya - tidak boleh dinodai, haram hartanya - tidak boleh dirampas - dan haram darahnya - tidak boleh dibunuh tanpa dasar kebenaran." (Riwayat Tirmidzi)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 7 : Berorientasikan Hasil

Daripada Ibnu Umar r.a., katanya: "Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Tiap seorang dari engkau semua itu adalah penggembala dan setiap seorang dari engkau semua itupun akan ditanya perihal penggembalaannya. Pemimpin adalah penggembala dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang lelaki adalah penggembala dalam keluarganya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Seorang wanita adalah penggembala dalam rumah suaminya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Pekerja adalah penggembala dalam harta majikannya dan akan ditanya perihal penggembalaannya. Jadi setiap seorang dari engkau semua itu adalah penggembala dan tentu akan ditanya perihal penggembalaannya." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 8 : Semangat Berpasukan

Daripada Abu Musa r.a., katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya kaum Asy'ariyin itu apabila habis bekal-bekalnya dalam sesuatu peperangan atau tinggal sedikit makanan untuk para keluarganya di Madinah, maka mereka sama men gumpulkan apa-apa yang masih mereka punyai dalam selembai kain pakaian, lalu mereka bagi-bagikanlah itu antara sesama mereka dalam ukuran satu wadah dengan sama rata. Mereka itu adalah termasuk golonganku dan saya termasuk golongan mereka pula." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 9 : Integriti

Daripada Abu Hurairah r.a. bahwasanya Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Tanda orang munafik itu tiga macam iaitu jikalau berkata dusta, jikalau berjanji tidak menepati dan jikalau diberi amanah lalu berkhianat." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 10 : Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abu Hurairah r.a. pula, katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Janganlah engkau semua berhasad dengki, jangan pula keuh-mengeuh, jangan benci-membenci, jangan seteru-menyeteru dan jangan pula setengah dari engkau semua itu menjual atas jualannya orang lain. Dan jadilah hamba Allah sebagai saudara. Seorang Muslim itu adalah saudara orang Muslim yang lain. Janganlah ia menganiaya saudaranya, jangan merendharkannya dan jangan menghinakannya - enggan memberikan pertolongan padanya. Ketaqwaan itu ada di sini - dan beliau menunjuk ke arah dadanya sampan tiga kali. Cukuplah seseorang itu menjadi orang jelek, jikalau ia menghinakan saudaranya sesama Muslimnya. Setiap orang Muslim terhadap orang Muslim yang lain itu haram darahnya, hartanya dan kehormatannya." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 11 : Profesionalisme

Daripada Aisyah radhiallahu 'anha, katanya:
"Saya mendengar Rasulullah s.a.w.
bersabda dalam rumahku demikian:

"Ya Allah, barangsiapa yang menguasai sesuatu dari urusan pemerintahan ummatku, kemudian ia membuat kesengsaraan pada mereka, maka berilah kesengsaraan kepada orang itu sendiri, sedang barangsiapa yang menguasai sesuatu dari urusan pemerintahan ummatku, kemudian ia menunjukkan kasih-sayang kepada mereka, baik ucapan ataupun perbuatannya, maka kasih-sayangilah orang itu." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 12 : Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w.,
sabdanya:

"Tiada seseorang hambapun yang menutupi cela seseorang hamba yang lainnya di dunia, melainkan ia akan ditutupi celanya oleh Allah pada hari kiamat." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 13 - Integriti

Daripada Nu'man bin Basyir r.a., katanya:
"Saya mendengar
Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya apa-apa yang halal itu jelas dan sesungguhnya apa-apa yang haram itu pun jelas pula. Di antara kedua macam hal itu ada beberapa hal yang syubhat (samar-samar); yakni tidak jelas halal dan haramnya. Tidak dapat mengetahui apa-apa yang syubhat itu sebagian besar manusia. Maka barangsiapa yang menjaga dirinya dari perbuatan-perbuatan syubhat, maka ia telah melepaskan dirinya dari melakukan sesuatu yang mencemarkan agama serta kehormatannya. Dan barangsiapa yang telah jatuh dalam kesyubhatan-kesyubhatan, maka jatuhlah ia dalam keharaman, sebagaimana halnya seorang penggembala yang menggembala di sekitar tempat yang terlarang, hampir saja ternaknya itu makan dari tempat larangan tadi. Ingatlah bahwasanya setiap raja itu mempunyai larangan-larangan. Ingatlah bahwasanya larangan-larangan Allah adalah apa-apa yang diharamkan olehNya. Ingatlah bahwa di dalam tubuh manusia itu ada segumpal darah beku, apabila benda ini baik, maka baiklah seluruh badan, tetapi apabila benda ini rosak, maka rosak - pulalah seluruh badan. Ingatlah bahwa benda itu adalah hati." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 14 - Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abu Hurairah r.a., katanya:
"Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Setiap ummatku itu dimaafkan, kecuali orang-orang yang menampak-nampakkan - kejahatannya sendiri. Sesungguhnya setengah dari cara menampakkan - keburukan sendiri - itu ialah jikalau seseorang melakukan sesuatu perbuatan di waktu malam, kemudian berpagi-pagi, sedangkan Allah telah menutupi keburukannya itu, tiba-tiba ia berkata - paginya itu: "Hai Fulan, saya tadi malam melakukan demikian, demikian." Orang itu semalam-malaman telah ditutupi oleh Allah celanya, tetapi pagi-pagi ia membuka tutup Allah yang diberikan kepadanya itu." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 15 - Semangat Berpasukan

Daripada 'Auf bin Malik r.a., katanya:
"Saya mendengar Rasulullah s.a.w.
bersabda:

"Pemimpin-pemimpin pilihan di antara engkau semua ialah orang-orang yang engkau semua mencintai mereka dan mereka pun mencintaimu semua, juga yang engkau semua mendoakan kebaikan untuk mereka dan mereka pun mendoakan kebaikan untukmu semua. Adapun pemimpin-pemimpin yang jahat di antara engkau semua ialah orang-orang yang engkau semua membenci mereka dan mereka pun membenci padamu semua, juga yang engkau semua melaknat mereka dan mereka pun melaknat padamu semua." 'Auf berkata: "Kita para sahabat lalu berkata: "Ya Rasulullah, apakah kita tidak boleh menentang kepada pemimpin-pemimpin yang sedemikian itu? Beliau s.a.w. bersabda: "Jangan menentang mereka, selama mereka masih tetap mendirikan solat di kalanganmu semua." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 16 - Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w.
sabdanya:

"Bukannya yang dinamakan kaya itu karena banyaknya harta, tetapi yang dinamakan kaya (yang sebenarnya) ialah kayanya jiwa." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 17 - Integriti

Daripada Abu Ya'la iaitu Ma'qil bin Yasar r.a., katanya: "Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Tiada seorang hamba pun yang diserahi oleh Allah untuk menggembala suatu penggembalaan (yakni memimpin sesuatu ummat atau bangsa), lalu ia mati pada hari kematiannya, sedang di kala itu ia dalam keadaan menipu pada penggembalaannya, melainkan Allah mengharamkan padanya untuk masuk syurga." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 18 - Baik Hati dan Prihatin

Daripada Abdullah bin 'Amr r.a. bahwasanya Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sungguh berbahagialah orang yang masuk Agama Islam dan diberi rezeki cukup serta dikaruniai sifat qana'ah (berasa cukup) oleh Allah dengan apa-apa yang direzekikan kepadanya itu." (Riwayat Imam Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 19 - Semangat Berpasukan

Daripada Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w., sabdanya:

"Wajib atas seseorang Muslim untuk mendengar dengan patuh serta mentaati, baik dalam hal yang ia senangi dan yang ia benci, melainkan jikalau ia diperintah untuk sesuatu kemaksiatan. Maka apabila ia diperintah (oleh penguasa pemerintahan) dengan sesuatu kemaksiatan, tidak bolehlah ia mendengarkan perintahnya itu dan tidak boleh pula mentaatinya." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 20 - Baik Hati dan Prihatin

Daripada 'Iyadh bin Himar r.a., katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya Allah telah memberikan wahyu kepadaku, hendaklah engkau semua itu bersikap tawadhu', sehingga tidak ada seseorang yang membanggakan dirinya di atas orang lain; yakni bahwa dirinya lebih mulia dari orang lain dan tidak pula seseorang itu menganiaya kepada orang lain karena orang yang dianiaya dianggapnya lebih hina dari dirinya sendiri." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 21 - Integriti

Daripada Abu Said r.a., katanya: "Rasulullah s.a.w. bersabda kepada saya:

"Hai Abdur Rahman bin Samurah, janganlah engkau meminta jawatan amir (penguasa negara), sebab jikalau engkau diberi tanpa adanya permintaan daripadamu, maka engkau akan diberi pertolongan oleh Allah dalam memegang jawatan itu, tetapi jikalau engkau diberi dengan sebab adanya permintaan daripadamu, maka engkau akan dipalingkan dari pertolongan Allah. Jikalau engkau bersumpah atas sesuatu yang disumpahkan, kemudian engkau mengetahui sesuatu yang selainnya itu lebih baik daripada apa yang engkau sumpahkan tadi, maka datangilah (yakni laksanakanlah) apa-apa yang lebih baik tadi serta bayarlah kaffarah(denda) karena sumpahmu itu." (Riwayat Bukhari & Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

IRSYAD PUSAKA

Tajuk 22 - Baik hati dan Prihatin

Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. dari Nabi s.a.w., sabdanya:

"Tidak dapat masuk syurga seseorang yang dalam hatinya ada sifat kesombongannya seberat debu." Kemudian ada orang berkata: Sesungguhnya seseorang itu ada yang senang jikalau pakaiannya itu baik dan kasutnya pun baik." Beliau s.a.w. lalu bersabda: "Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan mencintai keindahan. Kesombongan itu ialah menolak kebenaran dan menghinakan orang banyak." (Riwayat Muslim)



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti

POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI



POLISI ANTIRASUAH & KORUPSI

TAFSIRAN

» Rasuah :
Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

» Korupsi :
Sebarang salah laku dan tingkahlaku tidak jujur, tidak amanah, penipuan, ketidakadilan, ketidaktelusan, tiada akauntabiliti, penyelewengan atau percanggahan kepentingan.

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI ANTIRASUAH

Anggota PUSAKA ditegah daripada mengambil bahagian dalam apa-apa jenis aktiviti rasuah di dalam urusan rasmi, di dalam mahupun di luar negara, tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira adat istiadat, amalan tempatan atau suasana persaingan.

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI INTEGRITI

PUSAKA komited untuk memastikan tadbir urus yang cemerlang melalui Pengurusan Risiko Rasuah yang efektif serta toleransi sifar terhadap amalan rasuah demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan.

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI PENGURUSAN HADIAH

Anggota PUSAKA ditegah daripada menerima atau memberi sebarang bentuk hadiah daripada / kepada orang atau pihak ketiga (saudara, sekutu, pembekal, kontraktor, vendor, pembekal perkhidmatan dan lain-lain) yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan PUSAKA tanpa mendapatkan kebenaran Timbalan Pengurus Besar PUSAKA atau Pengurus Besar PUSAKA.

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

PUSAKA komited untuk memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat di dalam memberi maklumat dan mendedahkan sebarang kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah seperti berikut :

- a) Perlindungan maklumat sulit atau pendedahan yang dibuat oleh pemberi maklumat
- b) Kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah
- c) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI ADUAN ETIKA

PUSAKA komited untuk memastikan pengurusan aduan/ maklumat kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan anggota PUSAKA dikendalikan dengan telus, sistematik, cekap dan adil serta menepati peraturan-peraturan berkaitan selari dengan Polisi Perlindungan Maklumat PUSAKA, Garis Panduan Pengurusan Aduan Etika PUSAKA dan Garis Panduan Pengesanan dan Pengesanan Aduan Etika PUSAKA.

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

PUSAKA komited untuk mempertimbangkan secara telus, tulus dan adil sebarang permohonan sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat dalam bentuk wang, perkhidmatan atau barangan kepada pemohon yang diluluskan yang bertujuan untuk aktiviti/ program berikut :

- i. Kebajikan
- ii. Pendidikan dan pembangunan modal insan
- iii. Penjagaan Kesihatan, keselamatan dan alam sekitar
- iv. Kebudayaan dan keagamaan; dan
- v. Kesukanan dan kesenian

PENGURUSAN PUSAKA



POLISI PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

PUSAKA komited untuk TIDAK membenarkan semua anggota:

- a) Mempunyai kepentingan peribadi/ kewangan/ kepentingan dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi dengan PUSAKA dan Anak Syarikat PUSAKA sama ada secara langsung atau tidak langsung;
- b) Menyalurkan apa-apa maklumat terperangkap berkaitan PUSAKA dan Anak Syarikat tanpa kebenaran Pengurusan tertinggi yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi;
- c) Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan PUSAKA;
- d) Menerima yuran/ komisen/ apa-apa barangan bernilai daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan PUSAKA; dan
- e) Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kerjaya ahli keluarga di dalam PUSAKA dan Anak Syarikat PUSAKA.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI KETEKUNAN WAJAR

PUSAKA komited untuk melaksanakan ketekunan wajar secara telus, tulus dan adil bagi membolehkan PUSAKA mendapatkan maklumat dalam membuat keputusan dan menilai sejauh mana risiko rasuah, salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa boleh berlaku dalam setiap projek, urusan niaga, aktiviti dalam kalangan rakan niaga :

- Kesetiaan organisasi yang dibuktikan oleh dokumen pendaftaran, Penyata Kewangan dan/atau nombor pendaftaran cukai;
- Kelayakan, pengalaman dan sumber organisasi;
- Rekod/ sejarah kes rasuah, salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa; sama ada telah disiasat disabitkan, disekat atau dihukum; dan/atau
- Identiti pemegang saham, pemilik berfaedah dan pengurusan tertinggi; jika mempunyai rekod/ sejarah rasuah, salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI KEWAJIBAN KERAHSIAAN

PUSAKA komited untuk memastikan semua anggota mematuhi dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan untuk memelihara kerahsiaan maklumat rasmi daripada terdedah kepada pihak yang tidak berkaitan melalui langkah-langkah seperti berikut:

- Maklumat tidak digunakan, dibincangkan, disebarkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak sama ada di dalam atau luar PUSAKA kecuali pihak yang dibenarkan.
- Maklumat tidak digunakan, dibincangkan, disebarkan atau didedahkan semasa berkhidmat di PUSAKA ataupun setelah meninggalkan perkhidmatan.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SOKONGAN

PUSAKA komited untuk tidak membenarkan pengaruh luar dan sokongan daripada individu (dalaman/luaran) atau organisasi luar untuk mempengaruhi permohonan dan keputusan di dalam urusan rasmi PUSAKA.

Dalam menguruskan pengaruh luar dan sokongan, anggota hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

- Sekiranya pengaruh luar dan sokongan diterima secara bertulis hendak segera melaporan kepada Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti; atau
- Sekiranya pengaruh luar dan sokongan diterima secara lisan, anggota hendaklah mencatatkan komunikasi tersebut dengan maklumat pihak yang memberi sokongan dan bentuk sokongan serta melaporan kepada Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI INTEGRITI MAKLUMAT

PUSAKA komited untuk memastikan semua anggota mematuhi semua dasar, prosedur dan piawaian yang ditetapkan untuk memelihara integriti maklumat yang disimpan secara talian ataupun luar talian yang melibatkan urusan rasmi PUSAKA. Dalam hal ini anggota tidak boleh :

- Menyembunyi, mengubah, memusnahkan, menambah dan mengubah suai rekod atau dokumen;
- Membuat catatan palsu atau mengelirukan dalam rekod atau dokumen; dan
- Gagal untuk melaksanakan pelaporan yang tepat, telus dan sah serta tidak mematuhi semua dasar, prosedur dan piawaian yang ditetapkan.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI BAYARAN FASILITASI

Anggota PUSAKA ditegah untuk menerima atau memberi sebarang bayaran fasilitasi atau pembayaran ugutan/ pemerasan dalam apa jua bentuk tidak kira sama ada bayaran dalam bentuk rasmi atau tidak rasmi (fasilitasi). Bagi menentukan bayaran fasilitasi, anggota hendaklah meminta bukti dalam bentuk resit rasmi daripada pihak yang meminta bayaran dan sekiranya tiada bukti yang memuaskan, anggota hendaklah menolak daripada membayar.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PUSAKA komited untuk memastikan proses pengambilan pekerja, penempatan, penilaian, kenaikan pangkat, pembangunan kompetensi, insentif dan pengurusan tatatertib dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip tadbir urus dan garis panduan yang telah ditetapkan secara professional, terancang dan sentiasa ditambah baik secara berkala.

PENGURUSAN PUSAKA



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

POLISI RAKAN NIAGA

PUSAKA komited untuk memantau perhubungan dengan rakan niaga serta menguruskan risiko rasuah dan korupsi berkaitan dengan urusan perniagaan dengan pihak ketiga bagi mencegah salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta menutup ruang dan peluang melakukan rasuah seperti berikut :

- Memastikan semua rakan niaga mematuhi Polisi Anti Rasuah PUSAKA dan Korupsi serta polisi-polisi lain yang berkaitan;
- Melaksanakan proses ketekunan wajar dan penilaian risiko ke atas rakan niaga;
- Tidak berkompromi dengan mana-mana rakan niaga yang diketahui atau disyaki dengan amalan rasuah dan korupsi;
- Menguatkuasakan klausa dalam semua kontrak dan/atau mewajibkan pematuhan Kod Etika perniagaan yang membolehkan PUSAKA menamatkan sebarang amalan rasuah dan korupsi.

PENGURUSAN PUSAKA

PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pemantauan ke atas Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dibuat melalui laporan aktiviti fungsi integriti secara berkala melalui Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi (*Agency Integrity Management System* atau AIMS) seperti di **Jadual 5**.

Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi adalah platform yang digunakan oleh unit integriti dalam sesebuah organisasi atau agensi kerajaan untuk menerima, merekod, dan mengurus aduan berkaitan salah laku, pelanggaran tatakelakuan, rasuah dan isu integriti lain. Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan dalam pengurusan aduan serta memastikan tindakan yang sewajarnya diambil.

Penggal	Tarikh Penghantaran Laporan	Tempoh Aktiviti
1/2024	13.05.2024	Januari - April 2024
2/2024	11.09.2024	Mei - Ogos 2024
3/2024	14.01.2025	September - Disember 2024

Jadual 5 - Penghantaran Laporan Pemantauan Ke Atas CRM



KONSULTANSI DAN KHIDMAT NASIHAT CORRUPTION RISK ANALYSIS (CRA)

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah menyediakan sesi konsultansi kepada semua Bahagian dan Seksyen yang memerlukan khidmat nasihat didalam menyediakan, menilai serta mengemaskini pencapaian daftar risiko masing-masing. Laporan Pemantauan akan di lapor di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola PUSAKA. Sesi konsultansi yang telah diadakan sepanjang tahun 2025 adalah seperti di **Jadual 6**.

Bil.	Bahagian/ Seksyen	Tarikh Konsultansi
1.	Bahagian Kecemerlangan Korporat dan Modal Insan	18.03.2024
2.	Seksyen Perolehan dan Perkhidmatan	18.03.2024
3.	Bahagian SME & Pembangunan Usahawan	04.04.2024
4.	Bahagian Pembangunan Sumber Lestari	04.07.2024
5.	Seksyen Teknologi Kayu	12.08.2024

Jadual 6 - Sesi Konsultansi dan Khidmat Nasihat CRA

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti juga telah mengadakan Klinik Penilaian Risiko Rasuah (CRA) pada 20 Disember 2024 sebagai langkah proaktif bertujuan untuk menjelaskan, memperhalusi dan seterusnya memuktamadkan Daftar Risiko Rasuah sebagai sokongan berterusan kepada semua seksyen di dalam Pengurusan Risiko Rasuah seperti di **Jadual 7**.

Bil.	Bahagian/ Seksyen
1.	Seksyen Fasiliti Bangunan
2.	Seksyen Pelesenan
3.	Seksyen Pelaburan
4.	Seksyen Audit Dalaman dan Pematuhan
5.	Seksyen Perancangan Industri
6.	Seksyen Pelaburan Industri
7.	Seksyen Sumber Hutan
8.	Seksyen Sumber Buluh
9.	Seksyen Perdagangan Karbon
10.	Seksyen Kewangan Korporat

Jadual 7 - Klinik Penilaian Risiko Rasuah (CRA)



Justeru, daripada beberapa sesi penilaian semula Risiko Rasuah sepanjang tahun 2024, PUSAKA kini telah mengenalpasti sebanyak 119 risiko, termasuklah Risiko Rasuah, Risiko Tadbir Urus dan Risiko Integriti. Risiko Rasuah merujuk kepada risiko terjadi rasuah sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) (Akta 694) seperti berikut :



Meminta/ Menerima Rasuah [Seksyen 16 & 17(a)]



Menawar/ Memberi rasuah [Seksyen 17(b)]



Mengemukakan Tuntutan Palsu [Seksyen 18]



Salahguna Kuasa [Seksyen 23]

Profil Risiko Rasuah PUSAKA setakat 31 Disember 2024 adalah seperti berikut :

KATEGORI RISIKO		TAHAP RISIKO				JUMLAH	JUMLAH BESAR
		TINGGI	SIGNIFIKAN	SEDERHANA	RENDAH		
RASUAH	Meminta / Menerima Rasuah	0	11	9	3	23	44
	Menawar / Memberi Suapan	0	2	0	0	2	
	Mengemukakan Tuntutan Palsu	0	2	4	1	7	
	Menggunakan Jawatan / Kedudukan Untuk Suapan Pegawai Badan Awam	0	4	5	3	12	
TADBIR URUS	Tadbir Urus	0	1	6	14	21	21
INTEGRITI	Pakatan / Subahat	0	5	4	14	23	54
	Integriti	0	1	14	16	31	
JUMLAH		0	26	42	51	119	119

Jadual 8 - Daftar Risiko Rasuah

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) PUSAKA




Penggal	Tarikh Penghantaran Laporan	Tempoh Aktiviti
1/2024	13.05.2024	Januari - April 2024
2/2024	11.09.2024	Mei - Ogos 2024
3/2024	06.01.2024	September - Disember 2024

Jadual 9 - Penghantaran Laporan Pemantauan Status Kemajuan

Pemantauan ke atas pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dibuat secara berkala melalui sistem SKP-OACP yang digunapakai oleh Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS). Tujuannya adalah untuk memantau status kemajuan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PUSAKA seperti di **Jadual 9**.

Sehingga Disember 2024, pusaka telah mencapai 95% daripada jumlah 49 inisiatif yang dirancang untuk tempoh 5 tahun (2021-2025).



Rajah 1 - Status SKP-OACP Penggal Ketiga Tahun 2024

PERKHIDMATAN ADUAN ETIKA

Sehingga 31 Disember 2024, sejumlah 16 kes telah diterima melalui Sistem Aduan Etika PUSAKA seperti di **Jadual 10**.

Kategori Aduan	Bilangan Aduan	Status		
		Pengukuhan Integriti	Tadbir Urus/ Pemerkasaan Prosedur	Tindakan Tatatertib/ Undang-Undang *
Disiplin	5	5	2	0
Jenayah	0	0	0	0
Tidak Lengkap	11	0	0	0
Jumlah	16	5	2	0

Jadual 10 - Bilangan Kes Diterima

IKRAR INTEGRITI

Bacaan Ikrar Integriti ini merupakan atur cara tetap di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan PUSAKA untuk menzahirkan komitmen PUSAKA di dalam memelihara nilai integriti dan rasuah dalam kalangan anggota disamping sebahagian daripada inisiatif pemantapan integriti.

Selain itu, tujuan bacaan ikrar integriti ini adalah untuk menegaskan komitmen terhadap nilai-nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Setakat 31 Disember 2024, seramai 417 anggota telah turut menandatangani dokumen Ikrar Integriti.



POLISI ANTIRASUAH DAN KORUPSI PUSAKA



Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) komited untuk menjadi sebuah agensi kerajaan Negeri Sarawak sebagai peneroka pelbagai sektor dan aspek perkayuan dengan matlamat utama untuk membawa pembangunan sosio-ekonomi dan sumber manusia di negeri ini. Industri perkayuan di Sarawak terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri, berubah daripada produk utama seperti kayu gergaji dan papan lapis kepada pengeluaran bahagian, komponen dan produk nilai tambah.

Dalam usaha untuk meningkatkan industri perkayuan di Sarawak, PUSAKA fokus di dalam melaksanakan fungsi dan objektif agensi di dalam jangka masa panjang dan keperluan mengimbangi risiko dan hasil perkayuan di mana pada yang sama, PUSAKA memenuhi dan mematuhi standard etika dan integriti dengan sewajarnya.

Polisi AntiRasuah & Korupsi PUSAKA ini menerangkan prinsip dan panduan kepada anggota PUSAKA mengenai cara-cara menangani isu-isu rasuah dan korupsi serta lain-lain isu tidak beretika yang mungkin timbul dalam urusan pentadbiran dan operasi.

Pematuhan dan sokongan setiap anggota PUSAKA terhadap polisi ini adalah sangat penting dalam menentukan kesinambungan kejayaan PUSAKA. Kegagalan mematuhi polisi ini akan memberi impak negatif terhadap PUSAKA dan PUSAKA boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sebarang ketidakpatuhan dalam kalangan anggota.

Polisi AntiRasuah & Korupsi PUSAKA ini mengabungkan polisi-polisi yang telah dirangka di dalam urusan pentadbiran dan operasi PUSAKA serta menggunakan prinsip-prinsip yang telah dinyatakan di dalam Kod Budaya Kerja Penjawat Awam Negeri Sarawak yang dijadikan sebagai rujukan di mana pematuhan adalah wajib untuk setiap anggota PUSAKA.

PUSAKA komited dalam memastikan standard integriti, ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme tertinggi dalam menjalankan tanggungjawabnya selaras dengan enam (6) Nilai Bersama iaitu Integriti, Baik Hati dan Prihatin, Profesionalisme, Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya, Semangat Berpasukan dan Berorientasikan Hasil. Dengan ini, PUSAKA komited untuk menjadi agensi kerajaan negeri yang beretika dan berintegriti. Ini bermakna PUSAKA tegas di dalam mengelak segala bentuk amalan rasuah dan korupsi dalam pentadbiran dan operasi harian PUSAKA.

PUSAKA mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap segala jenis bentuk rasuah dan korupsi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan tersebut.

Polisi AntiRasuah & Korupsi PUSAKA diwujudkan sebagai sumber rujukan berkenaan perlakuan rasuah dan korupsi, mekanisme pelaporan dan langkah-langkah pencegahan. Polisi AntiRasuah & Korupsi PUSAKA telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Pengerusi Lembaga Pengurusan PUSAKA pada 21 Jun 2024.

POLISI ANTIRASUAH PUSAKA



Polisi Antirasuah PUSAKA telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Pengerusi Lembaga Pengurusan PUSAKA pada 23 Disember 2024.

Polisi ini diwujudkan sebagai pendekatan toleransi sifar PUSAKA terhadap sebarang amalan rasuah. Anggota PUSAKA ditegah daripada mengambil bahagian dalam apa-apa jenis aktiviti rasuah di dalam urusan rasmi, di dalam mahupun di luar negara, tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira adat istiadat, amalan tempatan atau suasana persaingan.


TAHAP KEPUASAN PELANGGAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INTEGRITI

Kaji selidik kepuasan pelanggan secara atas talian dilaksanakan bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan; dan mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti. Pengisian borang kaji selidik kepuasan pelanggan telah melibatkan semua Bahagian dan Seksyen di Ibu Pejabat PUSAKA serta Pejabat-Pejabat Bahagian Miri, Bintulu, Sibul, Tanjung Manis dan Pejabat Perhubungan di Limbang dan Lawas pada suku keempat setiap tahun.

Kajian ini dijalankan secara atas talian dengan menyediakan soal selidik di laman portal IntraPUSAKA selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Balance Scorecard Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti di bawah CS1M1: *Stakeholders Satisfaction Rating*.

Kajian dibuat bagi mengukur kepuasan pelanggan dari aspek kemahiran, pengetahuan, kualiti penerangan, tempoh maklum balas dan layanan anggota bahagian. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti bagi tahun 2024 adalah kekal pada 99% iaitu Sangat Memuaskan semenjak tahun 2021.

Kajian juga dibuat bagi mendapatkan cadangan para pelanggan, di mana pelan intervensi dirancang dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK). Usaha ini adalah untuk memastikan semua cadangan pelanggan diambil kira secara tawadhu' dan bertanggungjawab serta diambil tindakan penambahbaikan yang sepatutnya.



Rajah 2 - Carta Perbandingan Tahap Kepuasan Pelanggan Bagi Tahun 2020 sehingga 2024

**“Integriti adalah konsistensi antara kata, tindakan,
dan nilai yang kita pegang.”
- John C. Maxwell**



**Bahagian Pengurusan Risiko dan
Integriti**



**SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (STIDC)
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK (PUSAKA)**

**Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, 93050 Kuching.
P.O Box 194, 93702 Kuching, Sarawak
Tel : 6082-473000 Fax : 6082-442691
E-mail : stidc@pusaka.gov.my
Website : www.sarawaktimber.gov.my**